

TERMA DAN SYARAT

BAGI KEMPEN GANJARAN BARU-UNTUK-MELABUR

Kempen

1. Kempen Ganjaran Baru-untuk-Melabur ("**Kempen**") dianjurkan oleh CIMB Bank Berhad [No. Pendaftaran: 197201001799 (13491-P)] dan CIMB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran: 200401032872 (671380-H)] (secara kolektif "**CIMB**") dan akan bermula pada **1^{hb} September 2021** dan akan berakhir pada **30^{hb} November 2021**, termasuk kedua-kedua tarikh tersebut ("**Tempoh Kempen**").
2. CIMB berhak memberi notis tidak kurang dari empat belas (14) hari kalendar untuk menukar tempoh, tarikh permulaan dan / atau tarikh tamat Tempoh Kempen.

Kelayakan

3. Kempen ini terbuka kepada semua individu yang tinggal di Malaysia, termasuk warganegara Malaysia, penduduk tetap dan bukan warganegara Malaysia, yang memenuhi syarat (seperti yang dijelaskan dalam klausa 4 yang terkandung di sini) dan membuat pelaburan yang berkaitan (seperti yang dijelaskan dalam Klausa 7 yang terkandung di sini) mengikut kelayakan produk masing-masing semasa Tempoh Kempen ("**Pelanggan yang Layak**"). Pelanggan yang Layak boleh menyertai Kempen melalui mana-mana cawangan CIMB Bank di seluruh Malaysia.
4. Kempen ini terbuka kepada pelanggan yang baru kepada produk pelaburan dari sini hendaklah merujuk kepada Produk Unit Amanah dan Non-Principal Protected Autocallable Equity Linked Structured Product dan hanya pemegang akaun nama pertama yakni pemegang akaun utama akan layak untuk menyertai Kempen ("**Pemegang Akaun Utama**"). Untuk tujuan kempen ini, pemegang akaun bersama yang lain dari Pemegang Akaun Utama tidak akan layak untuk menyertai kempen ini. Untuk mengelakkan keraguan, Kempen ini hanya tersedia untuk pelanggan yang memindah-masuk dan/atau melabur secara bersemuka sahaja.

TERMA DAN SYARAT

BAGI KEMPEN GANJARAN BARU-UNTUK-MELABUR

5. Untuk mengelakkan keraguan dan tertakluk kepada Klausa 3, orang/entiti berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini: -
 - 5.1 Pelanggan CIMB tanpa Akaun Semasa dan Akaun Simpanan Semasa (“CASA” atau “CASA-i”) yang sah yang dibuka dengan CIMB; dan/atau
 - 5.2 Pelanggan CIMB yang mempunyai baki pegangan dalam Unit Amanah (UA) atau Non Principal Protected Autocallable Equity Linked Structured Product (s) setakat 31 Ogos 2021; dan/atau
 - 5.3 Individu di bawah umur 18 tahun; dan/atau
 - 5.4 Kakitangan atau pekerja tetap, sambilan dan/atau kontrak CIMB Bank, CIMB Investment Bank Berhad, dan/atau CIMB Islamic (termasuk subsidiari-subsidiari dan syarikat-syarikat berkenaannya); dan/atau
 - 5.5 Pemilik tunggal, Perkongsian, Organisasi/Pertubuhan Kebajikan/Bukan untungan, Pelanggan Korporat (ditakrifkan dalam Seksyen 3 Akta Syarikat 2016) dan Komersil; dan/atau
 - 5.6 Orang AS seperti yang ditakrifkan di bawah (terpakai kepada Dana Unit Amanah Konvensional / Dana Unit Amanah Patuh Syariah atau mana-mana produk lain seperti yang ia mungkin): -
 - 5.6.1 Mana-mana warganegara atau pemastautin Amerika Syarikat termasuk mana-mana orang yang mempunyai domisil Amerika Syarikat; atau
 - 5.6.2 Mana-mana orang yang mempunyai alamat mel akaun Amerika Syarikat; atau
 - 5.6.3 Mana-mana orang yang memegang Kad Hijau Amerika Syarikat; atau
 - 5.6.4 Mana-mana individu yang memenuhi “substantial presence test”, iaitu seseorang yang berada di Amerika Syarikat bagi sekurang-kurangnya 183 hari kalendar dengan mengira semua hari (sekurang-kurangnya 31) dalam tahun semasa, 1/3 daripada hari dalam tahun sebaik sebelumnya, dan 1/6 daripada hari dalam tahun sebelumnya yang kedua; atau
 - 5.6.5 Mana-mana orang yang ditakrifkan sebagai Orang AS bagi tujuan Cukai Amerika Syarikat.
 - 5.7 Pemegang Akaun CIMB terpilih yang telah ditawarkan untuk menyertai kempen CIMB lain.
 - 5.8 Pelanggan CIMB yang mengekalkan apa-apa baki di dalam akaun Unit Amanah dan Non-Principal Protected Equity Linked Structured Product (samada “Pemegang Akaun Utama” atau “Pemegang Akaun Sekunder”) dengan CIMB setakat 31 Ogos 2021.

Pelaksanaan Kempen

6. Tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di sini, Pelanggan yang Layak berhak memperoleh Ganjaran Tunai jika mereka memenuhi perkara berikut dalam Tempoh Kempen, seperti yang dijadualkan dalam Jadual A di bawah: -
 - 6.1 Hanya melabur dalam Unit Amanah dan/atau Non-Principal Protected Autocallable Equity Linked Structured Product; dan/atau
 - 6.2 Pindah-Masuk Unit Amanah (“Pindah-Masuk”) Dana Unit Amanah Conventional dan Dana Unit Amanah Patuh Syariah daripada bank yang lain dari CIMB, yang hanya ke unit amanah yang sedang diedarkan oleh CIMB (“Unit Amanah Layak”). Pindah-Masuk melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja – Skim Pelaburan Ahli hendaklah tidak berhak untuk Kempen ini.

TERMA DAN SYARAT

BAGI KEMPEN GANJARAN BARU-UNTUK-MELABUR

Jadual A

| Unit Amanah dan/atau Non-Principal Protected Autocallable Equity Linked Structured Product; dan/atau Pindah-Masuk Unit Amanah | Peringkat 1 | Peringkat 2 | Peringkat 3 |
|---|-------------|-----------------------|-----------------------|
| | | RM250,000 – RM499,999 | RM500,000 – RM999,999 |
| Ganjaran Tunai | RM1,000 | RM2,000 | RM3,000 |

Note: Unit Amanah dan/atau Non-Principal Protected Autocallable Equity Linked Structured Product; dan/atau Pindah-Masuk Unit Amanah boleh terkumpul sepanjang Tempoh Kempen.

7. Produk Pelaburan Penyertaan hendaklah kemudian dari ini dikenali sebagai: -

| Produk Pelaburan Penyertaan | |
|-----------------------------|---|
| A) | Dana Unit Amanah Konvensional / Dana Unit Amanah patuh Syariah (secara kolektif “ Produk Unit Amanah Penyertaan ”) |
| B) | Non-Principal Protected Autocallable Equity Linked Structured Produk (“ Produk Perbendaharaan Penyertaan ”) |

A) Produk Unit Amanah Penyertaan

- i) Produk Unit Amanah Penyertaan merujuk kepada dana Unit Amanah Konvensional dan dana Unit Amanah patuh Syariah (“**Unit Amanah**”).
- ii) Senarai Unit Amanah terpilih (melainkan dana tertutup adalah tidak layak) dengan caj jualan 3% dan ke atas adalah seperti yang dinyatakan dalam prospektus/ memorandum maklumat dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa, termasuk Unit Amanah baharu yang dilancarkan semasa Tempoh Kempen oleh CIMB. Pelanggan yang Layak hendaklah merujuk kepada prospectus / memorandum maklumat berkenaan bagi setiap dana unit amanah yang ditentukan untuk maklumat mengenai caj jualan maksimum.
- iii) Hanya Unit Amanah dengan caj jualan minimum 3% dan ke atas adalah layak untuk menyertai Kempen ini.
- iv) Minimum RM20,000 bagi setiap transaksi diperlukan untuk melabur dalam Produk Unit Amanah Penyertaan dan caj jualan minimum 3% hanya layak untuk jumlah pelaburan RM20,000 dan ke atas.
- v) Dalam waktu pelaburan dalam Unit Amanah terpilih, sebarang tawaran lain dan/atau promosi dan/atau caj jualan lebih rendah yang diiklankan oleh CIMB hendaklah tidak terpakai.
- vi) Pelanggan yang Layak yang melabur dalam mana-mana Produk Unit Amanah Penyertaan melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja - Skim Pelaburan Ahli tidak akan layak kepada Kempen ini.
- vii) Kempen ini tidak sah bersama dengan mana-mana tawaran dan promosi lain (jika ada) yang ditawarkan oleh CIMB berhubung dengan pelaburan dalam Dana Unit Amanah terpilih.
- viii) Sekiranya Pelanggan yang Layak menggunakan hak bertenang (“*cooling-off right*”) beliau atau pelaburan ditolak atau dibatalkan oleh mana-mana pihak dengan apa jua alasan dalam Tempoh Kempen, Pelanggan yang Layak tidak akan layak kepada Ganjaran Tunaidi bawah Kempen ini. Tempoh bertenang (“*cooling-off*”) adalah tempoh enam (6) hari perniagaan dari tarikh penerimaan permohonan Unit Amanah oleh CIMB.
- ix) Produk Unit Amanah Penyertaan tidak dilindungi oleh PIDM.
- x) Unit Amanah atau apa-apa wang yang dikeluarkan daripada deposit yang diinsuranskan untuk tujuan pembelian mana-mana unit dalam Unit Amanah tidak dilindungi oleh PIDM.

TERMA DAN SYARAT

BAGI KEMPEN GANJARAN BARU-UNTUK-MELABUR

- xi) Pelanggan yang Layak diminta untuk menandatangani semua dokumen piawai berkenaan dan mematuhi semua terma-terma dan syarat-syarat berkenaan dengan pelaburannya dalam produk berkenaan di bawah Kempen ini, yang berasingan dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
- xii) Produk Unit Amanah Penyertaan disusun atau ditawarkan oleh CIMB dan akan diserahkan kepada atau dipengaruhi oleh syarikat pengurusan unit amanah terpilih yang merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 ("**CMSA 2007**").

B) Produk Perbendaharaan Penyertaan

- i. "Produk Perbendaharaan Penyertaan" merujuk kepada Non-Principal Protected Autocallable Equity Linked Structured Product ("NPP ELI") dan tertakluk kepada ketersediaan harga dan penerbitan oleh CIMB Bank mengikut budi bicara tunggal dan mutlak semasa Tempoh Kempen.
- ii. Pulangan ke atas pelaburan NPP ELI anda akan dipengaruhi oleh prestasi asset/rujukan mendasari, dan pemerolehan semula pelaburan pokok anda mungkin akan terjejas sekiranya anda membuat penebusan awal.
- iii. NPP ELI hanya disediakan untuk Sophisticated/High Net Worth Investors (HNWI).
- iv. Lembaran Butiran Penting Produk ("PHS"), Lembaran Istilah Produk atau dokumen pemasaran lain boleh didapati dan pelabur berhak meminta salinan dari cawangan CIMB terdekat mereka.
- v. Pelanggan yang Layak diminta untuk menandatangani semua dokumen piawai berkenaan dan mematuhi semua terma-terma dan syarat-syarat berkenaan dengan pelaburannya dalam NPP ELI di bawah Kempen ini, yang berasingan dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
- vi. NPP ELI tidak dilindungi oleh PIDM.
- vii. Apa-apa wang yang dikeluarkan daripada deposit yang diinsuranskan untuk tujuan pembelian NPP ELI tidak lagi dilindungi oleh PIDM.
- viii. Kempen ini tidak sah bersama dengan mana-mana tawaran dan promosi lain (jika ada) yang ditawarkan oleh CIMB berhubung dengan pelaburan dalam NPP ELI.

8. Pelabur Produk Pelaburan Penyertaan yang terpilih mestilah pelanggan yang sama.

9. Terma-terma dan syarat-syarat berikut hendaklah terpakai kepada Produk Pelaburan Penyertaan:

- a) Pelaburan dalam Produk Pelaburan Penyertaan bukan tanggungjawab, dijamin atau dilindungi oleh CIMB dan adalah tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kerugian jumlah prinsipal yang dilaburkan.
- b) Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk melakukan yang berikut sebelum melabur dalam Produk Pelaburan Penyertaan:
 - i. untuk membaca terma-terma dan syarat-syarat Produk Pelaburan Penyertaan;
 - ii. untuk mengambil kira semua yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur; dan
 - iii. untuk menilai merit dan risiko mana-mana pelaburan berdasarkan penilaian mereka sendiri.
- c) Prestasi Produk Pelaburan Penyertaan yang lalu bukan petunjuk prestasi masa depan dan pengagihan pendapatan tidak dijamin.
- d) Pelanggan yang Layak yang ragu-ragu berkenaan tindakan yang perlu diambil harus berunding dengan penasihat profesional mereka dengan segera.
- e) Produk Pelaburan Penyertaan tidak dilindungi oleh PIDM.
- f) Pelanggan yang Layak dikehendaki mematuhi semua terma-terma dan syarat-syarat berkenaan dengan pelaburan mereka dalam Produk Pelaburan Penyertaan.
- g) Dana pampasan di bawah Seksyen 158 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA):
 - i. **tidak** melindungi Pelanggan yang Layak; dan

TERMA DAN SYARAT

BAGI KEMPEN GANJARAN BARU-UNTUK-MELABUR

- ii. **tidak** merangkumi Pelanggan yang Layak yang telah mengalami kerugian kewangan akibat daripada penggelapan atau penyalahgunaan secara penipuan wang atau harta lain, oleh pengarah, pegawai, pekerja atau wakil CIMB.
- h) Pelanggan yang Layak boleh membuat aduan dengan Unit Resolusi Pelanggan (CRU) CIMB seperti yang dinyatakan dalam Klausa 27 Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini jika Pelanggan yang Layak mengalami kerugian kewangan dalam keadaan di atas yang berkaitan dengan perbuatan kakitangan CIMB.
- i) Pelanggan yang Layak yang tidak berpuas hati dengan keputusan CRU CIMB boleh:
 - i. merujuk kes tersebut kepada Pusat Resolusi Pertikaian Industri Sekuriti (“SIDREC”); atau
 - ii. merujuk kes tersebut kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan dalam enam (6) bulan setelah menerima keputusan muktamad daripada CIMB atau selepas 60 hari kalendar dari tarikh aduan tersebut difailkan dengan CIMB di mana tiada maklum balas diterima oleh Pelanggan yang Layak; atau
 - iii. mengarahkan aduan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelabur & Pengaduan Suruhanjaya Sekuriti walaupun jika Peserta/Pelanggan yang Layak telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan SIDREC.

Ganjaran Kempen

- 10. Setiap Pelanggan yang Layak hanya berhak untuk mendapat secara maksimum satu (1) kali Ganjaran Tunai dalam tempoh 3 bulan selepas kempen berakhir.
- 11. Ilustrasi disediakan dibawah:

Contoh 1: Pelanggan yang Layak melabur RM250,000 dalam Unit Amanah

| Penerangan | Ganjaran |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Melabur RM250,000 dalam UA pada 15 September 2021. | <ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan yang Layak akan menerima ganjaran tunai RM1,000 |

Contoh 2: Pelanggan yang Layak melabur RM300,000 dalam Unit Amanah dan RM350,000 dalam Non-Principal Protected Autocallable Equity Linked Structured Product

| Penerangan | Ganjaran |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Melabur RM300,000 dalam UA pada 15 September 2021. • Melabur RM350,000 dalam NPP ELI pada 17 Oktober 2021. | <ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan yang Layak akan menerima ganjaran tunai RM2,000 |

Contoh 3: Pelanggan yang Layak Pindah-Masuk RM300,000 Unit Amanah daripada bank lain

| Penerangan | Ganjaran |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Pindah-Masuk RM300,000 UA daripada Bank ABCD pada 15 Oktober 2021 ke CIMB | <ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan yang Layak akan menerima ganjaran tunai RM1,000 |

Contoh 4: Pelanggan yang Layak Pindah-Masuk RM300,000 Unit Amanah daripada bank lain dan melabur RM400,000 dalam Unit Amanah

| Penerangan | Ganjaran |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Pindah-Masuk RM300,000 UA daripada Bank ABCD pada 18 November 2021. | <ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan yang Layak akan menerima ganjaran tunai RM2,000 |

TERMA DAN SYARAT**BAGI KEMPEN GANJARAN BARU-UNTUK-MELABUR**

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Melabur RM400,000 dalam UA pada 20 November 2021 | |
|--|--|

12. Pelanggan yang Layak dikehendaki untuk mengekalkan Unit Amanah Aset di bawah Pengurusan "AUM" yang dipindah-masuk selama 6 bulan selepas kempen berakhir. Sekiranya mana-mana bahagian dari Unit Amanah AUM yang dipindah-masuk dipindah-keluarkan dari CIMB, CIMB berhak untuk menolak nilai Ganjaran Tunai yang dibayar sempena kempen ini daripada Akauan Semasa milik Pemegang Akaun yang Layak.
13. CIMB tidak akan melayan mana-mana permintaan daripada Pelanggan yang Layak untuk mengkreditkan Ganjaran Tunai kepada akaun lain yang dimiliki oleh Pelanggan yang Layak.
14. Pelanggan yang Layak hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya kepada yang berikut, akibat daripada penerimaan Ganjaran Tunai:
 - a) Sebarang kewajipan pemfailan cukai atau sebarang pembayaran cukai disebabkan oleh mana-mana pihak berkuasa; dan
 - b) Untuk mendapatkan nasihat bebas berkenaan dengan sebarang komplikasi dalam situasi kewangan mereka.

Terma dan Syarat Am

15. Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Kempen ini, mereka:
 - a) telah mengakses, membaca dan mengesahkan persetujuan mereka kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - b) memberi persetujuan kepada CIMB untuk memproses dan mendedahkan data peribadi mereka menurut Notis Privasi Kumpulan CIMB di www.cimb.com.my;
 - c) bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat oleh CIMB dengan adil dan munasabah berhubung dengan setiap aspek Kempen ini, termasuk Ganjaran Tunai yang akan diberikan adalah muktamad, mengikat dan konklusif; dan
 - d) bersetuju bahawa CIMB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan terhadap Pelanggan yang Layak sekiranya CIMB tidak dapat melaksanakan sebahagian atau keseluruhan kewajibannya dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini yang boleh dikaitkan secara langsung atau tidak langsung kepada:
 - i. kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemrosesan data atau talian penghantaran;
 - ii. kegagalan elektrik;
 - iii. pertikaian industri, peperangan, mogok atau rusuhan;
 - iv. sebarang 'act of God' di luar kawalan CIMB; atau
 - v. apa-apa faktor yang bersifat 'force majeure' yang berada di luar kawalan munasabah CIMB.
16. Pelanggan yang Layak akan dilucutkan kelayakan daripada menyertai Kempen dan/atau Ganjaran Tunai akan dilucuthakkan sekiranya, semasa Tempoh Kempen dan/atau sebelum pengkreditan/penghantaran Kadar Keutamaan Deposit Bertempoh.
 - a) Pelanggan yang Layak memungkirkan terma-terma dan syarat-syarat mengawal Produk Pelaburan Penyerahan;
 - b) Dana Unit Amanah yang Mengambil Bahagian ditamatkan atau ditutup atau dijadikan tertakluk kepada apa-apa lampiran, perintah bertentangan ('adverse order') yang dibuat oleh Mahkamah atau mana-mana pihak berkuasa yang diberikuasa oleh undang-undang; atau

TERMA DAN SYARAT

BAGI KEMPEN GANJARAN BARU-UNTUK-MELABUR

- c) Dana Unit Amanah yang Mengambil Bahagian adalah delinkuen, tidak sah atau dibatalkan oleh Pelanggan yang Layak atau CIMB.
17. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk melucuthakkan mana-mana Pelanggan yang Layak yang ianya tentukan:
- mengganggu proses permohonan; dan/atau
 - bertindak memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
18. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk:
- menggantikan Ganjaran Tunaidengan item lain dengan kos yang setara; dan/atau
 - melanjutkan, memendekkan, memberhentikan, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen dengan memberikan notis terdahulu empat belas (14) hari kalendar kepada Pelanggan yang Layak melalui:
 - pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - notis di cawangan CIMB Bank; dan/atau
 - notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB Bank; dan/atau
 - melalui mana-mana cara notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
19. Untuk mengelakkan keraguan, CIMB tidak bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada mana-mana penggantian Ganjaran Tunaidan/atau mana-mana pembatalan, penggantungkan, pemendekan atau pelanjutan Kempen.
20. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak untuk sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, ganti rugi langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) yang berbangkit dari:
- penyertaan atau ketidak-penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen; dan/atau
 - sebarang kegagalan penerimaan atau kelewatan penerimaan Khidmat PesananRingkas (“SMS”) oleh Pelanggan yang Layak
- melainkan jika kerugian atau kerosakan sedemikian berbangkit daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.
21. CIMB hendaklah mempunyai hak untuk mengubah, menambah, memadam, atau meminda mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini (“**Pindaan**”) dengan memberi notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pelanggan yang Layak melalui:
- pengumuman di laman web CIMB; dan/atau
 - notis di cawangan CIMB Bank; dan/atau
 - notis di kaunter Pertukaran Mata Wang CIMB Bank; dan/atau
 - iklan di suatu surat khabar pilihan CIMB; dan/atau
 - melalui mana-mana cara notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB.
- Pindaan hendaklah dianggap sebagai mengikat Pelanggan yang Layak dari tarikh yang dinyatakan oleh CIMB di dalam notifikasi. Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web CIMB pada selang masa yang tetap untuk melihat terma-terma dan syarat-syarat Kempen dan untuk memastikan mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.

TERMA DAN SYARAT

BAGI KEMPEN GANJARAN BARU-UNTUK-MELABUR

22. CIMB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai akibat langsung atau tidak langsung oleh Pindaan tersebut.
23. Pelanggan yang Layak akan memberi jaminan ganti rugi sepenuhnya dan menjaga CIMB daripada sebarang yuran, kos, caj, perbelanjaan, kerugian, kerosakan atau tanggungan yang CIMB mungkin menanggung akibat:
 - a) Penyertaan Pelanggan yang Layak di dalam Kempen dan/atau
 - b) Penerimaan, Penebusan dan Penggunaan Ganjaran Tunai oleh Pelanggan yang Layak
24. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini:
 - a) akan mengatasi sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan lain yang mengiklankan Kempen ini; dan
 - b) hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat semasa Produk Pelaburan Penyertaan yang akan terpakai sebagai tambahan kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
25. Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah tertakluk kepada mana-mana undang-undang, peraturan dan garis panduan, arahan semasa, notis yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana badan lain yang mempunyai kuasa penyeliaan ke atas CIMB dari semasa ke semasa
26. Pelanggan yang Layak hendaklah mengarahkan sebarang pertanyaan, maklumbalas, kebimbangan, isu atau aduan yang berkaitan dengan Dana Unit Amanah patuh Syariah kepada CIMB Islamic Bank. CIMB Islamic Bank sebagai penyedia Dana Unit Amanah patuh Syariah akan melayani apa-apa perkara yang berkaitan dengan Dana Unit Amanah patuh Syariah.
27. Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB ("CRU") untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkenaan Kempen ini menerusi surat, panggilan telefon dan e-mel:

Alamat: Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan

No Telefon: 603 6204 7788

E-mel: cru@cimb.com

CIMB boleh menukar butiran perhubungan di atas dengan memaklumkan kepada Pelanggan yang Layak melalui pengumuman di laman web CIMB atau dengan mana-mana cara notifikasi lain yang boleh dipilih oleh CIMB.